

'Pembangkang harus menegur bukan merosak'

BERITA 16 MAREK 1985

KANGAR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia tidak memerlukan pembangkang-pembangkang yang menjadi perosak masyarakat dan negara.

Beliau membidas golongan yang suka mem-permain-mainkan sentimen perkauman dan agama untuk mencapai cita-cita politik, tanpa memikirkan kesannya.

Perdana Menteri berkata demikian ketika be-

rucap di majlis makan malam yang dihadiri oleh lebih 1,000 pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan pegawai-pegawai kerajaan Perlis di Rumah Tetamu di sini, malam tadi.

Datuk Seri Dr Mahathir mengakui bahawa negara memerlukan pembangkang untuk menegur kerajaan supaya tidak lalai dalam melaksanakan tanggungjawabnya kepada rakyat.

"Malangnya pembangkang di negara kita sekarang hanya mencari kesalahan dan keburu-

kan kerajaan. Perkara yang tidak salah dikatakan salah untuk kepentingan mereka," tegasnya.

Menurutnya, jika pembangkang itu benar-benar bertanggungjawab mereka seharusnya membuat teguran yang berasas dan memberi pandangan yang membina.

Beliau berkata, pembangkang tidak sepatutnya memainkan isu-isu perkauman atau agama untuk mendapatkan pengaruh dan sokongan rakyat.

Tafsiran

Datuk Seri Dr Ma-

bangkang di negara ini berjuang bukan untuk kebaikan, tetapi untuk kepentingan diri mereka sendiri.

Menurutnya, di kalangan orang bukan Melayu, parti pembangkang seperti DAP tidak tahu langsung adanya kebaikan di negara ini dan sering menggunakan isu perkauman sebagai daya penarik untuk mendapatkan sokongan rakyat.

Kata Perdana Menteri, DAP hanya melihat sesuatu masalah dari sudut satu kaum sahaja tanpa memikirkan kepentingan kaum-kaum lain asalkan tujuan politik mereka tercapai.

"Mereka lebih rela melihat rusuhan antara

kaum berlaku di negara ini asalkan dapat mencapai tujuan politik mereka kerana tindakan rusuhan dianggap sebagai pengorbanan orang lain terhadap mereka," tambahnya.

Di kalangan orang Melayu pula, menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Pas tidak segan-segan membuat tafsiran yang salah mengenai agama hingga sanggup menuduh orang Islam kafir.

Katanya, mereka juga sanggup memburuk-burukkan usaha kerajaan dan menerapkan nilai-nilai Islam sehingga sanggup memberitahu akhbar-akhbar luar negeri kononnya Kerajaan Malaysia menindas umat Islam dan parti-parti Islam pula diharmonikan.

Datuk Seri Dr Mahathir kesal kerana dalam hal ini ada juga akhbar-akhbar Islam luar negeri yang sanggup menyiarkan berita-berita keburukan Malaysia seperti itu.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan mempunyai tanggungjawab untuk memerintah negara dan membetulkan keadaan demi kepentingan seluruh rakyat.

"Kita tidak boleh main soal-soal perkauman kerana ia memberi kesan buruk kepada negara," tegasnya.